

SOALAN LAZIM
SUPERDUPER #SUPERDUPERPRIMA
(4 Mac 2022 – 30 Jun 2022)

1. Apakah Promosi “SUPER DUPER” #SUPERDUPERPRIMA secara ringkas?

Promosi “SUPER DUPER” #SUPERDUPERPRIMA yang dilancarkan oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (“PR1MA”) (seperti yang ditakrifkan di dalam Terma & Syarat) merupakan satu Promosi pemasaran yang menawarkan **hadiah bernilai sebanyak RM2,800** dalam bentuk kad hadiah IKEA kepada Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang memenuhi kesemua syarat kelayakan promosi ini.

2. Apakah hadiah promosi ini?

Hadiah bernilai **RM2,800** dalam bentuk **kad hadiah IKEA (“Hadiah”)** akan diberikan kepada Pembeli/ Pembeli-Pembeli kediaman PR1MA yang memenuhi terma dan syarat kelayakan yang ditetapkan oleh PR1MA.

3. Apakah syarat kelayakan untuk menyertai Promosi “SUPER DUPER” #SUPERDUPERPRIMA ini?

- i. Promosi ini terbuka bagi pembelian kediaman PR1MA di bawah mana-mana daripada tujuh (7) projek pembangunan kediaman Perbadanan PR1MA Malaysia (“PR1MA”) yang disenaraikan di bawah sahaja:
 - a) Residensi Seremban Sentral;
 - b) Residensi Klebang 2;
 - c) Residensi Melaka Tengah 2;
 - d) Residensi Bukit Katil;
 - e) Residensi Taman Pelangi Indah;
 - f) Residensi Larkin Indah; dan
 - g) Residensi Kepayang (Fairpark).
- ii. Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian Pinjaman Perumahan (jika berkenaan) hendaklah ditandatangani dan dimeterai setem dalam tempoh promosi sahaja.
- iii. Pembayaran kepada pihak PR1MA sekurang-kurangnya 10% daripada harga jualan telah pun dijelaskan oleh:
 - Pihak institusi kewangan yang memberikan pinjaman; ATAU
 - Pembeli/ Pembeli-Pembeli secara tunai

dalam tempoh bersamaan dan tidak melebihi 45 hari daripada tarikh penyetaman Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian Pinjaman Perumahan (jika berkenaan).

4. Bilakah Promosi PR1MA “SUPER DUPER” #SUPERDUPERPRIMA ini akan berlangsung?

Promosi PR1MA “SUPERDUPER” #SUPERDUPERPRIMA akan bermula pada 4 Mac 2022 sehingga 30 Jun 2022.

5. Adakah saya layak menyertai Promosi ini sekiranya saya membuat pembelian kediaman PR1MA secara tunai?

Promosi ini terbuka untuk pembelian samada secara tunai dan/ atau secara pembiayaan daripada institusi kewangan.

6. Bilakah saya boleh menuntut hadiah yang ditawarkan?

Pemenang akan diumumkan dalam jangka masa enam (6) bulan selepas tamat Tempoh Promosi dan setelah PR1MA selesai membuat segala pengesahan yang diperlukan berdasarkan syarat-syarat dan terma-terma yang telah dipenuhi oleh Pembeli/Pembeli-Pembeli.

7. Apakah saya layak untuk menyertai Promosi sekiranya saya telah pun menerima tawaran Promosi yang lain?

Ya, anda layak walaupun telah menerima tawaran Promosi yang lain yang berlangsung dalam tempoh yang sama **kecuali** terma dan syarat promosi-promosi yang lain itu menyatakan bahawa tawaran promosi tersebut adalah tidak sah untuk Pembeli/ Pembeli-Pembeli yang mengambil tawaran Promosi SUPER DUPER ini.

8. Apakah tindakan PR1MA sekiranya saya melanggar terma dan syarat Promosi ini?

Sekiranya Pembeli/ Pembeli-Pembeli melanggar sebarang terma dan syarat Promosi ini, gagal menjelaskan 10% daripada harga jualan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak PR1MA, atau menjadi bankrap, pihak PR1MA berhak untuk membatalkan Perjanjian Jual Beli tanpa sebarang notis dan tanpa sebarang pampasan kepada Pembeli/ Pembeli-Pembeli, dan terma-terma di dalam Perjanjian Jual Beli akan terpakai dalam perkara ini.

Semua kos pembatalan akan ditanggung sepenuhnya oleh Pembeli/ Pembeli-Pembeli. Pembeli/ Pembeli-Pembeli juga mesti membayar pampasan kepada pihak PR1MA jika terdapatnya kos pembatalan yang timbul akibat pembatalan Perjanjian Jual Beli.

9. Apakah tindakan PR1MA sekiranya saya membatalkan pembelian kediaman PR1MA dan/ atau Perjanjian Jual Beli?

Semua kos pembatalan akan ditanggung sepenuhnya oleh Pembeli/ Pembeli-Pembeli. Pembeli/ Pembeli-Pembeli juga mesti membayar pampasan kepada pihak PR1MA jika terdapatnya kos pembatalan yang timbul akibat pembatalan Perjanjian Jual Beli.

Sekiranya Hadiah telah diberikan kepada Pembeli/ Pembeli-Pembeli, nilai Hadiah akan ditolak daripada jumlah pembayaran **10%** daripada harga jualan rumah PR1MA yang telah dijelaskan.

10. Siakah yang perlu saya hubungi untuk mengetahui maklumat lebih lanjut mengenai Promosi ini?

Sila hubungi Pusat Panggilan PR1MA ditalian 03-7628 9898. Pada waktu pejabat, (9 pagi hingga 6 petang) Isnin hingga Ahad atau emel ke info@pr1ma.my atau Rakan Jualan PR1MA yang dilantik berdasarkan projek pilihan, seperti yang disenaraikan di sesawang rasmi PR1MA, iaitu www.pr1ma.my.